

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	31/5/2011

Proses mengejar transformasi jadi negara maju

Jangan lupa tradisi silam - PM

Oleh METRA SYAHRIL MOHAMED
metra.mohamed@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 30 Mei - Rakyat berbilang kaum diingatkan untuk tidak melupakan adat dan tradisi silam yang telah lama ber-sulam dalam jati diri bangsa Malaysia.


Sebaliknya, ujar Datuk Seri Najib Tun Razak, ia perlu sentiasa diingati walaupun Malaysia kini sedang mengejar transformasi untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi dan maju.

Mengambil contoh Pesta Kaamatan dan Gawai Dayak yang akan disambut sebahagian besar penduduk di Sabah dan Sarawak, Perdana Menteri berkata, kekayaan warisan negara itu seharusnya dihayati bersama.

"Tibalah masanya pada tahun ini, sebahagian besar rakyat Ma-



laysia dari negeri-negeri paling jauh di timur menyambut dua perayaan yang begitu unik di wilayah Borneo.

 Tibalah masanya pada tahun ini, sebahagian besar rakyat Malaysia dari negeri-negeri paling jauh di timur menyambut dua perayaan yang begitu unik di wilayah Borneo

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

"Pesta Kaamatan dan Gawai Dayak disambut oleh masyarakat pribumi Sabah dan Sarawak di Malaysia dan tidak di tempat-tempat lain di dunia ini.

"Tatkala kita berusaha mentransformasi untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi dan maju sepenuhnya, janganlah kita lupakan tradisi zaman berzaman yang telah begitu lama tersulam indah dalam jati diri kita sebagai satu bangsa,"

katanya.

Beliau berkata demikian menerusi entri bertajuk 'Perayaan Malaysia yang unik' di blognya di <http://www.lmalaysia.com.my>.

Jelas Najib, Pesta Kaamatan dan Gawai Dayak merupakan sebahagian daripada pelbagai perayaan yang mampu membuka peluang kepada rakyat Malaysia untuk memamerkan kepelbagaian budaya serta etnik kepada dunia.

"Ia bermula dengan kita di tanah tempat tumpah darah kita sendiri, menghayati kekayaan warisan negara.

"Kepada rakyat Malaysia dari Sabah dan Sarawak, saya harap anda dapat berkongsi budaya anda dengan megahnya dan membuka pintu anda kepada rakan-rakan senegara dari Semenanjung," katanya.

Beliau turut meminta penduduk dari Semenanjung agar mengambil peluang daripada perayaan itu untuk saling mengenali dengan lebih mendalam.

"Akhir sekali, saya mengucapkan kepada semua rakyat Malaysia yang menyambut kedua-dua perayaan ini 'kotobian tadau tagazo do Kaamatan' (Selamat menyambut Kaamatan) dan Selamat Hari Gawai, 'gayu guru gerai nyamai' (semoga panjang umur, diberikan kesihatan dan kemakmuran)," tambahnya.